

15.6.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

SPS: TAMBAHAN 10.5 JLH AIR PADA TAHUN 2024, 2 LAGI PROJEK TINDAKAN TAHUN INI

- Pakej 12A, Loji Rawatan Air Sungai Dua menjelang Julai 2024.**
- Loji Rawatan Air “Kompak” di Sungai Kerian menjelang Disember 2024.**

PULAU PINANG, Sabtu, 15.6.2024: Sejak 2023, PBAPP telah melabur sebanyak RM 20.52 juta dalam kerja-kerja air bagi menambah baik perkhidmatan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).

Senarai projek Pelan Tindakan SPS PBAPP yang telah siap termasuk:

Projek	Selesai	Kos (RM juta)
1. Modul rawatan air DAF 10 juta liter sehari (JLH) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor	Disember 2023	18.6
2. 2 x 0.25 MLD “LRA Mudah alih” di Taman Sungai Duri Indah	Disember 2023	0.7
3. New suction tank at the Taman Widuri Pumping Station	Mac 2024	0.73
4. New suction tank at the Taman Wellesley Pumping Station	Mac 2024	0.49
	Jumlah	20.52

Dengan adanya projek-projek ini, PBAPP kini membekalkan anggaran 195.28 juta liter air (JLH) air di SPS pada tahun 2024, iaitu 10.5 JLH lebih berbanding pada tahun 2023.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, masih terdapat aduan mengenai isu air terputus-putus di kawasan tanah tinggi dan kejiranan hujung paip agihan (HPA) di SPS. Menjelang akhir 2024, PBAPP akan memulakan operasi 2 projek tindakan tambahan utama untuk mengurangkan isu air di SPS.

Projek-projek SPS dalam perancangan pada tahun 2024

- Pakej 12A, Loji Rawatan Air Sungai Dua (Julai 2024)**

Pakej 12A merujuk kepada modul rawatan air baharu bernilai RM13 juta yang



dibina untuk menghasilkan sehingga 114 JLH air terawat. Pengoperasian Pakej 12A akan mempertingkatkan lagi kapasiti rawatan air maksimum LRA Sungai Dua dan membolehkan pengepaman lebih banyak air terawat dari loji ke SPS dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.

2. "LRA Kompak" di Sungai Kerian (Disember 2024)

PBAPP akan memanfaatkan Sungai Kerian sebagai sumber air mentah dengan pengoperasian "LRA Kompak" bernilai RM4 juta ini. Ini akan menjadi "LRA Kompak" pertama yang digunakan di Pulau Pinang dan unjuran keluaran ialah 2.4 JLH. Kelebihan loji jenis ini ialah ia boleh digunakan dengan cepat dan ia adalah modular. PBAPP mempunyai pilihan untuk memulakan unit kedua di Sungai Kerian pada 2025.

Isu SPS berpunca daripada permintaan air yang tinggi

Hari ini, PBAPP membekalkan lebih banyak air berbanding sebelum ini di SPS. Walaupun dengan peningkatan 10.5 JLH dalam bekalan air dalam satu tahun (dari 2023 hingga 2024), masih terdapat isu bekalan air di daerah ini.

Punca isu air SPS adalah permintaan air yang tinggi, terutamanya pada waktu atau musim puncak. Permintaan air yang tinggi ini menunjukkan perkembangan sosioekonomi yang pesat di SPS.

Pengoperasian Pakej 12A dan "LRA Kompak" di Sungai Kerian menjelang akhir 2024 sepatutnya mengurangkan isu air SPS dalam jangka pendek.

Pada tahun 2027, PBAPP merancang untuk memulakan operasi loji rawatan air 114 MLD di Sungai Kerian untuk memenuhi permintaan air sehingga Tahun 2030. Kos unjuran LRA Sungai Kerian ini ialah RM171 juta.

Selepas tahun 2030, pengoperasian Projek Air Perak-Pulau Pinang akan menangani permintaan air di SPS. Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap untuk menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri Perak secepat mungkin, bagi membolehkan pelaksanaan Projek Air Perak-Pulau Pinang menjelang 2030.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my